

GERAN “SCHOLARSHIP OF TEACHING AND LEARNING (SoTL)”

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN TAHUN 2020

Pembukaan	11 Ogos 2020 – 10 Sept 2020
Penghantaran Kertas Cadangan	10 Sept 2020
Proses Penilaian	13 – 17 Sept 2020
Kemaskini dan Pembetulan	20 Sept – 24 Sept 2020
Perakuan dan Kelulusan Jawatankuasa	1 Oktober 2020
Pengurusan Penyelidikan	
Tempoh Penyelidikan	Tidak melebihi 1 tahun
Jumlah	RM3,000 - RM20,000.00
PENGENALAN	

Pusat Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i), UniSZA membuka permohonan geran penyelidikan SoTL bagi tahun 2020 kepada para penyelidik di Universiti Sultan Zainal Abidin mulai **11 Ogos 2020**.

Geran SoTL ini bertujuan untuk menggalakkan penyelidikan berbentuk **empiris** berkaitan pendekatan atau inovasi pengajaran yang mampu memberikan impak langsung kepada pencapaian hasil pembelajaran di kalangan pelajar UniSZA.

Output penyelidikan hendaklah dapat memberi manfaat secara langsung kepada pelajar UniSZA dalam bentuk penambahbaikan amalan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Kertas cadangan penyelidikan akan dinilai berdasarkan kejelasan dan kespesifikasi pernyataan permasalahan, metodologi, dan kebolehlaksanaan projek berdasarkan kesesuaian masa dan bajet yang dipohon. Sasaran impak bilangan pelajar di UniSZA yang akan terlibat dalam penyelidikan juga perlu dinyatakan. Keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan berkaitan PdP dalam talian dalam era pandemic COVID-19.

SYARAT

Dana ini terbuka kepada staf akademik UniSZA yang mempunyai kelayakan sepetimana berikut:

1. Pensyarah tetap atau pensyarah kontrak yang mempunyai kontrak sekurang-kurangnya 12 bulan perkhidmatan.
2. Warganegara Malaysia
3. Permohon dibenarkan mengetuai hanya SATU (1) projek penyelidikan SoTL sahaja pada sesuatu masa.
4. Penyelidik yang sedang menjadi ahli projek penyelidikan SoTL yang belum tamat boleh memohon, namun keutamaan akan diberikan kepada pensyarah yang belum mendapat geran SoTL.
5. Keanggotaan kumpulan penyelidik minimum 2 orang.
6. Pensyarah yang sedang cuti belajar TIDAK DIBENARKAN untuk memohon atau menganggotai kumpulan penyelidik.
7. Panel penilai SoTL yang telah dilantik tidak boleh memohon geran SoTL bagi tahun tersebut, tetapi boleh menjadi ahli penyelidik.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung geran ini, sila hubungi Puan Saliza binti Ghazali (salizaghazali@unisza.edu.my (<mailto:salizaghazali@unisza.edu.my>)).

Pemohon perlu membuat permohonan SoTL menggunakan **Borang Permohonan Dana SOTL** ([/ms/informasi-3/borang-permohonan-dana-sotl](#)) yang boleh dimuat turun daripada di sini **Borang Permohonan Dana SoTL 2020** ([/ms/informasi-3/borang-permohonan-dana-sotl](#)).

Borang yang telah lengkap dan dicetak perlu dihantar ke Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik selewat-lewatnya **10 September 2020 12:00 tengahari** kepada urusetia SoTL, Puan Saliza binti Ghazali.

Sekian, terima kasih.

Urusetia Geran SoTL

Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik

Universiti Sultan Zainal Abidin

11 Ogos 2020.

Cetak